



KERJASAMA... Kamaruzaman (dua dari kiri) bersama Sharifah (tiga dari kiri) Justina (tiga dari kanan) memegang perjanjian yang ditandatangani dalam majlis berkenaan. Turut kelihatan, No'Man (kanan).

# Batik etnik Sabah bakal dikomersial

Oleh SAHAR BURAERA

Saharboyz@yahoo.com.my

**KOTA KINABALU:** Jalinan kerjasama (MoA) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Olumis Borneo Batik House bakal mengkomersialkan batik etnik Sabah, yang juga merupakan salah satu daripada perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangi kelmarin.

Naib Canselor UMS, Datuk Dr Kamaruzaman Ampom, berkata melalui MoA itu kedua-dua pihak bersetuju bergabung sumber dan kepakaran untuk mempromosikan industri batik etnik Sabah ke pasaran tempatan dan dunia.

"Walaupun minat terhadap produk batik masih di tahap rendah dikalangan peniaga dan pengguna di Sabah, pemilik Olumis Borneo Batik House yakin bahawa potensi pertumbuhan industri batik ini, khususnya berkaitan batik etnik, adalah tinggi," katanya.

Jelas beliau, kerjasama itu juga memastikan motif batik etnik di Sabah akan digunakan secara inovatif dan kreatif untuk menghasilkan produk yang menarik untuk tujuan komersial.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis menandatangi MoU antara

“ Melalui MoA itu kedua-dua pihak bersetuju bergabung sumber dan kepakaran untuk mempromosikan industri batik etnik Sabah ke pasaran tempatan dan dunia. Walaupun minat terhadap terhadap produk batik masih di tahap rendah dikalangan peniaga dan pengguna di Sabah, pemilik Olumis Borneo Batik House yakin bahawa potensi pertumbuhan industri batik ini, khususnya berkaitan batik etnik, adalah tinggi.”

## DATUK DR KAMARUZAMAN AMPON

Naib Canselor UMS

UMS dengan Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) dan MoA berkenaan di sini kelmarin.

Selain itu, beliau berkata dari segi rekabentuk dan inovasi, penyelidik dari UMS akan menyediakan kepakaran dalam bidang perakaunan, pemasaran dan pelancongan kepada Olumis Borneo Batik House.

Sehubungan itu, kedua-dua pihak juga bersetuju menghasilkan buku bertajuk "Coffe Table" bagi memperkenalkan motif-motif etnik Sabah termasuk pengertian warisan budaya.

“ Saya yakin bahawa buku ini, melalui aset etnik Sabah yang unik akan dapat menyumbang kepada pembinaan budaya Malaýsia selain mengembalikan minat masyarakat, terutamanya

di Sabah, terhadap produk batik,” katanya.

Dalam pada itu, UMS turut menandatangani MoU dengan Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) bertujuan mengadakan penyelidikan mengenai usaha melindungi dan mengurus sumber warisan laut Sabah.

“ Ia merangkumi pembangunan dan pengkomersialan sumber laut, penjanaan pengetahuan baru dalam pelbagai disiplin oseanografi, pembinaan keupayaan melalui latihan dan bengkel, ekspedisi oseanografi, pembangunan Pusat Data Oseanografi Kebangsaan dan Inisiatif Coral Triangle (CTI),” jelas Kamaruzaman.

Katannya, pengurusan sumber laut yang mapan berasaskan pengetahuan

adalah penting dalam usaha menangani kesan perubahan iklim dimana sebahagian besar rakyat negeri ini tinggal di kawasan zon pantai dan menggunakan sumber laut hampir setiap hari.

“ Saya percaya bahawa objektif MoU ini akan tercapai pada jangka masa yang telah ditetapkan dan hasilnya nanti akan memberi manfaat kepada masyarakat umum,” katanya.

Hadir di majlis, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad, Pengasas Olumis Borneo Batik House, Justina Dusing dan Balasom@Philip John Basalant dan Ketua Bahagian Sumber Manusia UMS, Prof. Dr. No'Man Hj Ahmad Noh.